

Tiga bangunan baru UMS mula

operasi

DE 6/7/2011 3
Stephanie Lee
KOTA KINABALU: Tiga buah bangunan baharu telah siap dan mula beroperasi di kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini untuk menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah serta menyediakan suasana pembelajaran yang lebih baik.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr Kamaruzzaman Hj Ampon berkata, Dewan Kuliah Pusat II, Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Sekolah Perubatan itu dibina dengan kos RM420.6 juta.

"Dewan Kuliah Pusat baharu yang mempunyai 20 bilik kursus dan sebuah dewan peperiksaan itu boleh membantu mengurangkan kelas malam dan tempoh peperiksaan," katanya.

Katanya, setelah melahirkan lebih 30,000 graduan sejak penubuhannya 15 tahun lalu, universiti itu komited untuk melihat pewujudan lebih banyak modal insan dengan bantuan Kerajaan.

"Kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM3 bilion bagi pembangunan fizikal UMS setakat ini, kita gembira melihat semakin ramai memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di sini," katanya di majlis penyerahan projek itu di UMS pada Selasa.

Kamaruzzaman berkata, pusat pengajian lepas ijazah itu dilengkapi dengan kemudahan terbaharu yang penting untuk pengajian itu, penyelidikan dan juga untuk mengajar.

"Sekolah Perubatan itu pula membolehkan pelajar perubatan belajar di bilik-bilik kursus mereka sendiri dan mempunyai kemudahan sendiri.

"Sekarang ini mereka berkongsi kemudahan di Sekolah Sains dan Teknologi serta Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat," jelas beliau.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (Sektor Perniagaan) Dato' Hj Mohamad Husin mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi mengenai bangunan-bangunan yang telah siap itu.

"Sebarang ketidaksempurnaan akan diteliti para kontraktor kami dalam tempoh membaiki kecacatan dua tahun.

"Saya mahu semua aduan difail dalam masa dua tahun itu untuk diberi perhatian dan diselesaikan dengan segera," kata beliau.

Ucapan beliau dibaca seorang wakil dari jabatan itu, Mamman K.T. George.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Abd Rahim Md Noor turut hadir pada majlis itu.